

Kejohanan Golf UMS sukses

Oleh DESMOND QWEK
komaqwek2k5@gmail.com

KEJOHANAN Golf Universiti Malaysia Sabah 2011 yang berlangsung di MimpianJadiResorts, Tuaran baru-baru ini berlangsung penuh sukses.

Kejohanan anjuran pelajar-pelajar Kursus Golf (Semester 1: 2011/2012) dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pemaju Pelajar (PKPP) tersebut memenuhi segenap matlamat yang diharapkan.

Majlisperasmianpenutupan dan penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Pensyarah Kanan merangkap ketua Unit Kajian GIS dan Remote Sensing; Mustapa Abdul Talip selaku wakil universiti dengan turut disaksikan oleh jurulatih Jupili Selamat dan ketua program Natarsha Nadia Alidin.

Mustapa dalam ucapan beliau berkata, universiti-universiti ketika ini turut menekankan kecemerlangan kokurikulum sebagai



SUKSES...(depan empat dari kiri) Mustapa Abd Talip, Jupili Selamat dan Natarsha Nadia Alidin bersama para peserta kursus selepas berakhirnya Kejohanan Golf Universiti Malaysia Sabah 2011 di Mimpian Jadi Resorts, Tuaran baru-baru ini.



CATTERINE



CHAI



MA



NATARSHA



NUR HAKIMAH



NUR SYAZANA



JUARA GROSS...Jupili Selamat (kiri) menerima hadiah kemenangan daripada Natarsha Alidin.



JUARA JEMPUTAN...Andreas Angkaus (kiri) menerima hadiah kemenangan daripada Mustapa Abd Talip.

bekalan berguna untuk para pelajar mencari kerja selepas menerima ijazah kelak.

"Merujuk usaha kerajaan negeri Sabah untuk menjadikan negeri ini sebagai 'hub' atau pusat kegiatan pelancongan golf di Malaysia, program ini sudah tentu membantu untuk melahirkan lebih ramai siswazah yang tahu mengenai golf.

"Bagi saya, dengan penyertaan dan permintaan yang memberangsangkan khususnya dari kalangan mahasiswa dan mahasiswi tempatan, kursus ini perlu dipergiat dan pertingkatkan lagi penglibatannya," jelas

beliau.

"Saya juga berharap penyertaan para pelajar di dalam kursus ini bukan semata-mata untuk lulus ijazah. Jadikan asas dan pengetahuan ilmu sukan golf yang dipelajari ini sebagai kegunaan di masa hadapan," tambahnya lagi.

Bagi Jupili pula, kursus tersebut sememangnya sentiasa menerima sambutan yang memberangsangkan setiap kali ditawarkan, bukan sahaja melibatkan penyertaan tempatan, tetapi kini semakin diminati oleh pelajar-pelajar antarabangsa di universiti tersebut.



JUARA NETT...Dr. Bilcher Bala (kiri) menerima hadiah kemenangan daripada Natarsha Alidin.

"Ramai pelajar yang menunjukkan minat yang mendalam serta serius semasa belajar. Apa yang lebih penting lagi ialah kecemerlangan dalam sukan golf tidak begitu bergantung kepada faktor usia dengan dibuktikan menerusi kejayaan pemain-pemain profesional yang masih mampu menjuarai kejohanan utama dunia sekalipun telah menjangkau usia hampir 50 tahun," tegas beliau.

Menurut Natarsha, pelajar Sekolah Sains dan Teknologi (SST) yang berasal dari Kota Kinabalu, secara keseluruhannya beliau amat berpuas hati sekalipun ini merupakan kali pertamanya beliau terlibat di dalam program seumpamanya itu.

"Untuk menganjurkan kejohanan ini, saya telah membahagikan para peserta, melibatkan 37 pelajar semuanya, kepada enam bahagian iaitu bahagian protokol, bahagian publisiti, informasi dan multimedia, bahagian tajaan dan cenderahati, bahagian teknikal dan logistik, bahagian urusetia dan pendaftaran serta bahagian keselamatan dan kesihatan.

"Ianya agak sukar pada permulaan perancangan, tetapi ianya berjaya dilaksana menerusi perbincangan serta memupuk kerjasama yang lebih baik di antara rakan-rakan pelajar tempatan dengan antarabangsa," jelas beliau sambil berterima kasih ke atas sokongan pengarah PKPP merangkap penaung program Prof. Madya Abd Jamal Abd Hamid serta penolong pendaftar merangkap penasihat program Azmi Jumat.

"Inimerupakan pengalaman baru buat saya. Saya tidak menyangka dapat belajar permainan golf di universiti ini. Selepas menamatkan persekolahan nanti, saya sudah tentu akan meneruskan pengetahuan yang saya peroleh ini dan akan melibatkan diri di dalam sukan ini di masa hadapan," kata Chai Chuan Jian, seorang lagi pelajar SST

yang berasal dari Kuching, Sarawak.

"Sukan ini menguji kemampuan diri saya dan rakan-rakan. Melalui kursus ini juga, saya dapat mengenali lebih ramai rakan, sama ada rakan seuniversiti dari sekolah-sekolah lain mahupun para pemain yang menyertai kejohanan ini.

"Bapasayamemangbermain golf, tetapi bagi diri saya, ini merupakan pengetahuan baru untuk diri saya. Saya dan tiga lagi rakan saya dari China yang menyertai kursus ini sangat berpuas hati, dan kamu merasa sangat bertuah dapat menyertai program ini.

"Selepas ini, bila balik ke negara China kelak, saya sudah boleh bermain golf bersama ayah saya," ujar Ma Qianyun, pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) yang berasal dari Jiansuh, China.

"Kursus ini merupakan peluang yang sangat baik untuk kami. Ianya merupakan satu program yang amat bermanfaat. Dengan menyertai kursus ini, saya tahu sedikit-sebanyak permainan ini dan cara-cara untuk menganjurkan pertandingan.

"Ianya juga membina keyakinan diri saya untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti berasaskan golf selepas ini," tambah Nur Syazana Jamal, pelajar Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) yang berasal dari Kota Kinabalu.

"Sukan golf merupakan satu permainan yang menarik tetapi sangat menguji kesabaran diri. Dengan menyertai kursus ini, saya tahu bagaimana untuk mengawal permainan ini.

"Sebelum ini saya langsung tidak tahu mengenai permainan ini. Saya belajar sesuatu yang baru, yang mana sukan ini juga memerlukan kemahiran yang pelbagai.

"Untuk program penganjuran kejohanan seperti ini, kerjasama berpasukan adalah sangat penting sekali," kata Catherine A/P Singarair, pelajar SPE yang berasal dari Ipoh, Perak.

"Inimerupakan kali pertama saya terlibat di dalam program menganjurkan kejohanan golf. Semasa pendaftaran para peserta (pemain) saya bersama gementar sekali kerana setahu saya, sukan golf ini melibatkan golongan yang berkerjaya profesional yang mana sudah tentu memberikan cabaran besar dari aspek komunikasi diantara para pelajar dengan pemain.

"Namun begitu, selepas para peserta selesai bermain, gambaran saya ternyata salah. Saya dapat lihat hubungan di kalangan para pemain begitu mesra sekali walaupun mereka datang dari pelbagai latar belakang profesional. Komunikasi di antara para pemain golf begitu baik sekali dan begitu banyak gurauan, membuatkan kami semua merasa sangat selesa," jelas Nur Hakimah Asmad, pelajar Sekolah Sains Sosial (SSS) yang berasal dari Semporna.

Dalam pada itu, keputusan pertandingan bagi kejohanan tersebut menyaksikan Jupili Selamat menjuarai kategori Gross UMS selepas mencatat enam atas par 78 pukulan untuk menewaskan naib johan Mustapa Talip menerusi kelebihan selesa tujuh pukulan selepas lawannya itu mencatat 85 pukulan.

Kategori Nett UMS pula dimenangi oleh Dr. Bilcher Bala selepas beraksi cemerlang mencatat nett tujuh bawah par 65 pukulan untuk mengatasi naib johan Sahilin Marusin yang mencatat nett 82 pukulan.

Kategori terakhir bagi pemain-pemain jemputan dimenangi oleh Andreas Angkaus yang mencatat nett 11 bawah par 61 pukulan untuk kelebihan selesa empat pukulan mengalahkan naib johan Ahmad Juanis yang mencatat nett 65 pukulan.

Pemenang tempat ketiga hingga keenam bagi kategori tersebut masing-masing disandang oleh Donnie Intung (nett 69), Lawrence Gisos (nett 71), Madirin Sulin (nett 72) dan Jahipin Juanis (nett 75).